

09 JUL 1996

Olimpik-Psikologi

TELADANI PASUKAN IMPIAN AMERIKA, ATLET MALAYSIA DIBERITAHU

KUALA LUMPUR, 9 Julai (Bernama) -- Ahli sukan Malaysia perlu meneladani semangat "Pasukan Impian" Bola Keranjang Amerika, yang walaupun dianggotai pemain yang bertaraf jutawan, masih merasa bangga dan megah untuk mewakili negara mereka, kata ahli psikologi pasukan hoki Malaysia Datuk Lawrence Chan.

"Pemain-pemain jutawan itu mampu mengawal keegoan diri dan bersatu padu sebagai satu pasukan hanya untuk mengejar pingat Sukan Olimpik. Jika mereka boleh melakukannya, saya tidak nampak mengapa kita tidak boleh berbuat demikian," katanya hari ini.

Chan, yang akan berlepas ke Sukan Olimpik dengan pasukan hoki, berkata beliau yakin atlet Malaysia berpotensi untuk menjadi juara dunia, tetapi hanya dapat dicapai jika mereka mampu mengatasi lima kelemahan.

Kekuatan mental, memikirkan strategi atau mengetahui taktik untuk dilaksanakan sebelum dan semasa permainan, stamina dan kecergasan, kepimpinan yang mahir dan berkesan atau pengurusan betul persatuan sukan adalah bidang yang perlu difikirkan dengan serius.

"Para pemain perlu mempunyai pemikiran "SWOT" -- kekuatan, kelemahan, peluang dan ancaman. Mereka perlu menganalisis permainan, menyimpan rekod lawan supaya mempunyai kelebihan ketika bertarung pada masa hadapan ... tetapi kesemuanya boleh dikatakan tiada di sini," katanya.

Chan berkata pemakanan yang sesuai penting dalam membentuk atlet bertaraf dunia tetapi, malangnya, atlet tempatan tidak memberi tumpuan perkara ini dan akibatnya mereka mudah penat selepas beberapa ketika.

"Sikap bersendirian tidak seharusnya wujud sekarang. Malahan pemain perseorangan badminton perlu bekerja seiringan dengan jurulatihnya, pengurus, rakan sepasukan, juru pemakanan dan pelatih fizikal ... inilah sebabnya kenapa atlet Malaysia tidak mencapai kejayaan," katanya.

Chan berkata beliau pernah berbincang dengan peserta Olimpik Amerika dan mendapati bahawa bukan saiz badan yang menjadikan mereka juara dunia tetapi pemikiran dan semangat juang mereka.

Selain persediaan atlet, pentadbir sukan juga perlu dedikasi, komited dan menjaga kebajikan atlet mereka, kata Chan, sambil menyebut bahawa silap komunikasi boleh menjadi masalah utama dalam mana-mana pertubuhan.

"Para pemimpin perlu mempunyai kualiti untuk menguruskan persatuan-persatuan sukan. Jika mereka mengamalkan sistem pengurusan sekarang dalam sektor perniagaan, tentunya perniagaan mereka akan tutup kedai esok," katanya.

Beliau juga berkata seruan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad supaya atlet Malaysia perlu mempunyai sikap yang betul, berdisiplin dan dedikasi amat tepat sekali.

"Disiplin ialah kunci kejayaan dan kita tidak seharusnya mudah digertak dengan reputasi pihak lawan. Kita perlu mengikis sikap rendah diri kita," katanya.

Selain itu, kata Chan, para pemain tidak seharusnya takut untuk menegur kelemahan pemain-pemain senior walaupun mereka mungkin berasa terhina.

Chan, yang pernah bertugas dengan pasukan badminton kebangsaan sebelum ini, berkata beliau bersedia menggunakan kepakarannya untuk membantu atlet negara di Atlanta kelak.

"Sebahagian daripada pemain badminton meminta bantuan saya. Ia tidak seharusnya menjadi masalah kerana saya pernah bekerja dengan mereka sebelum ini ... tekanan di Olimpik begitu kuat dan para pemain perlu menyiapkan

diri secara mental," katanya.

-- BERNAMA

AR AHH